

13/10/1998

60 syarikat tempatan sertai pameran Apec

SEBANYAK 60 syarikat Malaysia mengesahkan penyertaan pada Pameran Perdagangan Antarabangsa ketiga forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) '98 yang akan diadakan di negara ini pada 13 hingga 16 November ini, sempena mesyuarat pemimpin Apec.

Antaranya termasuk Petronas, Kumpulan DRB-Hicom Bhd, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations Bhd, Renong Group, Southern Bank Bhd, Celcom Malaysia Sdn Bhd, Malaysia Sheet Glass Bhd serta beberapa syarikat industri kecil dan sederhana (IKS).

Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Mohammed Abdul Halim, berkata beberapa syarikat dari negara anggota Apec turut mengesahkan penyertaan pada pameran itu.

Menurutnya, berikutan pengesahan itu, kira-kira 80 peratus daripada tapak pameran seluas 10,000 kaki persegi di Pusat Pameran Mines, Sri Kembangan, kini sudah ditempah.

"Walaupun tarikh tutup penyertaan Apec '98 sudah berakhir, pihaknya masih menerima permohonan untuk menyertai pameran itu, terutama daripada syarikat tempatan," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Apec '98 dianjurkan bersama oleh Matrade dan FMM Exhibition Services Sdn Bhd, anak syarikat Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) serta diuruskan Reed Exhibitions Sdn Bhd.

Pameran empat hari yang bertemakan 'Mempertingkatkan Keupayaan Global Melalui Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia' ini akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohammed berkata, turut diadakan sempena pameran ialah Forum Perniagaan Apec yang memberi kesempatan kepada anggota peserta membentangkan pelbagai peluang perniagaan/ekonomi di negara masing-masing, iaitu selama dua jam bagi setiap peserta.

Katanya, setakat ini 11 anggota Apec iaitu Thailand, Russia, Singapura, Amerika Syarikat, Filipina, New Zealand, Kanada, Chile, Taiwan, Peru, dan Mexico, sudah mengesahkan untuk menyertai forum berkenaan.

Beliau berkata, Apec '98 sesungguhnya adalah peluang keemasan bagi rakyat negara ini terutama masyarakat perniagaan untuk menyaksi, mempelajari dan merebut peluang ekonomi serta perniagaan yang bakal ditawarkan.

"Oleh itu, saya benar-benar berharap masyarakat perniagaan tempatan tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan pameran itu kerana kita tidak pasti bila pameran sedemikian akan datang lagi ke Malaysia," katanya yang menjangka Apec '98 mampu menarik lebih 20,000 pembeli dan pelawat.

Menurut Halim, pameran itu yang akan menumpukan kepada teknologi baru dan kemahiran yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi anggota Apec, menyediakan peluang perniagaan yang besar.

Tahun lalu saja, katanya, jumlah dagangan Malaysia dengan negara Apec dianggarkan bernilai RM345.9 bilion, peningkatan hampir tiga kali ganda daripada RM122.5 bilion pada 1990.

"Pameran perdagangan ini memberi peluang kepada peniaga tempatan untuk mengetengahkan produk, teknologi dan perkhidmatan kepada pelawat yang hadir," katanya sambil menambah Malaysia mempunyai hubungan penting dan kian berkembang dengan negara anggota Apec menyumbangkan 78.2 peratus kepada jumlah dagangan negara.

(END)